



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU**

SITUASI SEMASA KES MALARIA IMPORT DI TERENGGANU

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mengambil maklum berhubung isu yang sedang tular di media sosial berkaitan satu surat edaran berkaitan Malaria bertarikh 3 Jun 2026 yang telah disebar. JKNT ingin memaklumkan bahawa surat tersebut merupakan edaran dalaman kepada fasiliti kesihatan di negeri Terengganu bertujuan meningkatkan kesiapsiagaan anggota bagi pengesanan awal kes malaria manusia dalam kalangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) susulan peningkatan kes malaria import yang dikesan sejak awal Mei 2026.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2026, sebanyak 17 kes malaria telah dilaporkan di Terengganu, terdiri daripada 13 kes malaria manusia dan empat (4) kes malaria zoonotik. Daripada jumlah kes malaria manusia yang dilaporkan, 11 kes melibatkan PATI manakala dua (2) kes lagi melibatkan Pendatang Asing Dengan Izin (PADI).

Siasatan epidemiologi mendapati kesemua kes mendapat jangkitan di luar negara dan diklasifikasikan sebagai kes import. Terengganu masih mengekalkan status sifar kes malaria manusia tempatan. Kesemua kes telah dikesan awal dan diputuskan transmisi jangkitan. Sehingga kini, tiada penularan tempatan dikesan melibatkan penduduk tempatan mahupun PATI yang berada di negeri ini.

JKNT sentiasa berwaspada kerana kemasukan kes malaria dari luar negara berpotensi meningkatkan risiko penularan tempatan. Tindakan yang telah diambil termasuk:

1. Melaksanakan aktiviti pengesanan kontak kes dan surveilan kes penyakit malaria di semua fasiliti kesihatan.
2. Menggiatkan aktiviti kawalan vektor di lokaliti kes.

3. Memastikan semua kes positif dimasukkan ke wad dan diberikan rawatan lengkap.
4. Mengeluarkan surat *Alert* kepada semua fasiliti kesihatan di negeri Terengganu untuk meningkatkan kesiapsiagaan pengesanan kes di semua peringkat.
5. Melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan di lokaliti-lokaliti berisiko khususnya di penempatan warga asing.
6. Menjalankan kolaborasi bersama pelbagai agensi melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD).

JKNT juga akan terus mengekalkan usaha melindungi kesihatan awam serta mengekalkan status sifar kes malaria manusia tempatan di negeri Terengganu.

Orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi serta mendapatkan maklumat berkaitan situasi malaria daripada sumber rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia.

JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU
4 JUN 2026

